

Rompak ATM guna jengkaut

Suspek larian diri menaiki Toyota Hilux, unit forensik polis berjaya kesan tujuh cap jari

Sinar Harian
26/2/16
mls 41

BESTARIJAYA - Tidak sampai seminggu kes cubaan melarikan mesin juruwang automatik (ATM) di Jalan Kebun, Klang berlaku Isnin lalu, dua ATM di sebuah bank di pekan ini pula dilarikan perompak selepas memecah masuk menggunakan jengkaut kira-kira jam 5 pagi, semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Ruslan Abdullah berkata, maklumat mengenai kejadian itu diterima daripada seorang pengawal keselamatan yang memaklumkan bank terbabit dirompak dan suspek melarikan diri menaiki Toyota Hilux.

"Hasil siasatan awal, saksi iaitu pengawal keselamatan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Bestari Jaya mendengar bunyi bising dan melihat kelibat kenderaan terbabit dalam keadaan gelap.

"Suspek dipercayai melarikan diri bersama wang tunai sejumlah RM537,390 de-



ngan kenderaan terbabit dan menghalu ke arah Jalan Kuala Selangor," katanya.

Menurutnya, hasil bantuan unit forensik IPK Selangor, tujuh kesan cap jari berjaya ditimbulkan untuk tindakan lanjut.

"Terdapat sebuah jengkaut ditinggalkan di tempat kejadian dan siasatan terhadap pemilik jentera terbabit se-

dang dibuat dan difahamkan dari Taman Kepong, Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 457 Kanun Keseksaan.

Seorang penduduk, Muhammad Azri Azaman, 20, berkata, dia menyedari jengkaut itu diletakkan depan balai bomba berhampiran

bagaimanapun tidak mengesyaki apa-apa.

Bagaimanapun, kira-kira jam 5.30 pagi katanya, jengkaut itu dilihat sudah dialihkan ke hadapan bank.

"Mula-mula saya ingat ada kerja korek parit dekat depan bank tu masa lalu malam tadi, tak fikir lah apa-apa yang mencurigakan tapi bila orang kampung kecoh pagi tadi, baru



Pemilik jengkaut yang ditinggalkan di hadapan bank terbabit masih dalam siasatan polis.

saya teringat.

"Tak sangka boleh pecahkan ATM guna jengkaut...lagi-

pun bunyinya bising, mungkin sebab tu orang tak perasan," katanya.